

Sumber: Jabatan Mufti Negeri Selangor



& Kolej Universiti Islam Selangor



Program Ceramah Umum Falak Dan Majlis Penyerahan Modul Kelab Falak Sekolah Negeri Selangor 2015

Sumber: Jabatan Mufti

Jabatan Mufti dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah menganjurkan program ceramah umum falak dan majlis penyerahan Modul Kelab Falak Sekolah Negeri Selangor kepada 33 buah Kelab Falak Sekolah. Majlis telah dilaksanakan di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang pada 1 Oktober 2015. Prof. Madya Dr. Mat Rofa bin Ismail telah diberi peluang menyampaikan ceramah umum bertajuk Kosmologi



Falak: Kualitatif dan Kuantitatif.

Semoga semua pihak beroleh manfaat daripada program yang dianjurkan ini dan semoga Kelab Falak Sekolah dapat mengambil peluang merancang pelbagai aktiviti di peringkat sekolah berpaduan Modul Kelab Falak Sekolah sebagai asas perancangan aktiviti. **Edisi**

Syarahan Umum Dan Perasmian IRTI Corner Library IRCIEF-KUIS

Oleh: Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi & Kewangan (IRCIEF)

Bandar Seri Putra, 17 September - Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF) KUIS telah melaksanakan syarahan umum yang kedua dimana ia adalah di bawah program "2015 Quarterly Islamic Fi-



nance Public Lecture IRCIEF KUIS – IRTI IDB". Program ini adalah kerjasama di antara IRCIEF KUIS dan Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank (IDB).

Syarahan umum yang kedua ini telah disampaikan oleh Professor Dato' Dr. Mohamed Azmi Omar yang juga merupakan Ketua Pengarah IRTI-IDB. Tajuk yang disampaikan oleh beliau adalah "Sukuk Market Development and Issues". Program ini telah dihadiri seramai 110 orang peserta yang terdiri daripada para ahli akademik, wakil-wakil industri perbankan dan kewangan Malaysia, dan mahasiswa KUIS.

Syarahan ini semestinya memberikan pengetahuan dan input yang bermakna kepada mahasiswa dan pensyarah khususnya dalam isu-isu terkini dan semasa berkaitan pasaran sukuk. Prof Madya Dr. Rusni binti Hassan yang merupakan felo bersekutu

IRCIEF telah menjadi moderator untuk syarahan tersebut. Syarahan umum selama dua jam ini diakhiri dengan sesi soal jawab dan ucapan penutup oleh Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri. Dalam ucapan penutup Rektor KUIS, beliau amat berterima kasih kepada Prof. Dato' Dr. Mohamed Azmi Omar kerana kesudian beliau meluangkan masa untuk menghadiri sesi perkongsian ilmu ini.

Dalam masa yang sama, Prof. Dato' Dr. Mohamed Azmi Omar telah merasmikan IRTI Corner Library yang terletak di Aras 2, Blok Akademik 3, KUIS. IRTI Corner Library merupakan satu lagi kerjasama di antara IRCIEF KUIS dan IRTI IDB yang merupakan sumber rujukan dan informasi berkaitan ekonomi dan kewangan Islam yang boleh dijadikan rujukan oleh ahli akademik dan staf mahasiswa juga kepada mahasiswa KUIS. **Edisi**

Lawatan Kerja Ke KUIM Dan UTEM

Oleh: Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi & Kewangan (IRCIEF)

Melaka, 17 Oktober - KUIS telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kolej Universiti Islam Melaka dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Delegasi KUIS diketuai Ybhg Prof. Dato Dr Abdul Halim Tamuri bersama Pengurusan KUIS dan pegawai kanan KUIS. Objektif lawatan ini sebagai usaha mengeratkan hubungan ukhuwah dan jaringan akademik disamping meningkatkan kerjasama dan berkongsi pengalaman di dalam menguruskan Universiti dari segi pentadbiran dan akademik.

Pada sesi pagi lawatan KUIS diketuai oleh Timbalan Rektor Pengurusan Korporat Dr Zulkifli Abd Hamid ke KUIM disambut oleh Naib Canselor Prof. Dr. Hj. Mohd. Taib Bin Hj. Dora dan pegawai kanan KUIM. Perbincangan dan perkongsian informasi mengenai perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan akademik menjadi fokus perbincangan diantara dua pihak.

Pada sesi petang delegasi KUIS diketuai Rektor Prof Dato Dr Ab. Halim Tamuri meneruskan lawatan ke UTeM dan telah disambut oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib@Sahibuddin bersama Pengurusan tertinggi dan pegawai kanan Universiti. Dalam lawatan ini KUIS lebih menumpukan kepada pengurusan pentadbiran dan pemurnian beberapa program yang lebih berdaya saing di UTeM. Pihak KUIS juga berhasrat menempatkan staf untuk mempelajari dan mendalami kemahiran pentadbiran dalam tempoh yang ditetapkan.

Pertemuan dan perbincangan berjalan dengan penuh harmoni dan lancar yang memberikan impak yang positif kepada KUIS dalam usaha mencapai status universiti penuh dalam masa yang terdekat. Semoga Allah sentiasa memberkati KUIS. Ameen. **Edisi**



Naib Canselor UTeM dan Rektor KUIS berfoto bersama.